

Analisis Kesalahan Tatabahasa Melayu oleh Pelajar Asing di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

[Analysis of Malay Grammar Errors by Foreign Students at Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS)]

**Noorhanis Amran¹, Amrina Rasyada Kamaruzaman², Nurul Fazlina Mat Zin³,
Kamariah Abdul Rahman⁴, Siti Nuroh Mohamad⁵**

- ¹ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Kota Bharu, Malaysia, hanisnoor91@gmail.com
- ² Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Kota Bharu, Malaysia, amrina.rasyada93@gmail.com
- ³ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Kota Bharu, Malaysia, nurulfazlina.matzin@gmail.com
- ⁴ Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Kota Bharu, Malaysia, kamariah@kias.edu.my
- ⁵ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730, Kota Bharu, Malaysia, sitinuroh@kias.edu.my

ABSTRACT

This study was conducted to identify and describe the types of Malay language errors made by foreign students at Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS). The main problem examined is the difficulty foreign students have in mastering the complex Malay grammar system, particularly its morphological and syntactic aspects. Using content analysis of student writing, the study examines error patterns, including the use of affixes, the selection of noun conjunctions, and sentence structure. The findings indicate that the influence of the mother tongue (interlinguistic) and confusion about the target language system (intralinguistic) are the primary factors behind these errors. The implications of this study are expected to strengthen the teaching staff's competence in addressing language-learning challenges among students at KIAS and to inform the design of a more effective, targeted Malay Communication teaching module to improve mastery of written and oral communication among international students.

Keywords: *Fault Analysis, Proficiency in Malay, Foreign Students, KIAS*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menghuraikan bentuk-bentuk kesilapan nahu bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar asing di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Masalah utama yang dikaji ialah kesukaran pelajar asing dalam menguasai sistem tatabahasa Melayu yang rencam, terutamanya dari aspek morfologi dan sintaksis. Dengan menggunakan metodologi analisis kandungan terhadap hasil penulisan pelajar, kajian ini meneliti bentuk kesalahan seperti penggunaan imbuhan, pemilihan kata sendi nama, dan struktur ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda (*interlinguistic*) dan kekeliruan terhadap sistem bahasa sasaran (*intralinguistic*) menjadi faktor utama berlakunya kesalahan tersebut. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memperkasakan kompetensi tenaga pengajar dalam menangani cabaran pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar di KIAS untuk merangka modul pengajaran Bahasa Melayu Komunikasi yang lebih efektif dan bersasaran bagi meningkatkan penguasaan komunikasi penulisan dan lisan dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kata Kunci: *Analisis Kesalahan, Nahu Bahasa Melayu, Pelajar Asing, KIAS*

How to Cite:

Received : 09.04.2026
Revised : 06.05.2026
Accepted : 13.05.2026
Published : 31.05.2026

Noorhanis Amran, Kamaruzaman, A. R., Mat Zin, N. F., Abdul Rahman, K., & Mohamad, S. N. (2026). Analisis Kesalahan Tatabahasa Melayu oleh Pelajar Asing di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 84–94

1. Pengenalan

Menurut Rahimah (1985: 58), ‘kesalahan bahasa’ didefinisikan sebagai sebarang penggunaan unsur bahasa yang tersasar daripada norma atau piawaian bahasa baku. Fenomena ini lazimnya timbul apabila para pelajar masih belum menguasai sistem bahasa kedua yang dipelajari secara formal secara tuntas, (Corder,1981). Situasi ini akan berlaku apabila pelajar-pelajar yang ingin menguasai bahasa kedua. Kesalahan bahasa merujuk kepada bentuk bahasa yang tidak menepati sistem baku, sering kali berpunca daripada kegagalan pelajar menguasai peraturan bahasa kedua yang dipelajari di sekolah atau institusi secara menyeluruh. Sebagai contoh, apabila seseorang pelajar belum mahir sepenuhnya dalam sistem bahasa kedua yang dipelajari secara rasmi, mereka cenderung melakukan kesalahan bahasa, iaitu penggunaan bentuk bahasa yang menyimpang daripada aturan bahasa yang betul atau baku. Pelajar dari Thailand cenderung mengutamakan aspek penyampaian maksud dalam komunikasi dan penulisan bahasa Melayu sehingga mengetepikan peraturan tatabahasa yang tepat. Sikap yang hanya mementingkan kefahaman pendengar ini dibimbangi akan menghakis kewibawaan dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai sebuah sistem bahasa yang teratur.

Berdasarkan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, serta wadah ilmu tinggi di Malaysia. Walaupun kedudukannya diperkukuh, hak masyarakat untuk menggunakan, mempelajari, dan mengembangkan bahasa-bahasa lain tetap terpelihara, malah boleh disokong melalui dana awam (Abdul Aziz Bari, 2008). Pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan dan institusi pengajian tinggi awam juga tidak sama sekali meminggirkan kepentingan pendidikan kaum-kaum lain. Sehubungan itu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan beraspirasi agar tahap penguasaan bahasa Melayu dapat diselaraskan dalam kalangan pelajar Melayu mahupun bukan Melayu demi menjadikannya bahasa kebangsaan yang diterima sepenuhnya (Zulkifley Hamid, 2006).

Fenomena ini sering berlaku apabila pelajar-pelajar yang ingin menguasai bahasa kedua. Kesalahan bahasa akan berlaku apabila pelajar-pelajar yang masih belum menguasai keseluruhan atau sepenuhnya sistem bahasa kedua yang sedang dipelajari secara formal (Corder,1981). Kecenderungan pelajar Thailand untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu tanpa mematuhi hukum tatabahasa merupakan satu cabaran terhadap keutuhan bahasa. Apabila komunikasi hanya berlandaskan prinsip "asalkan faham," kualiti bahasa akan merosot dan seterusnya menjejaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berdaulat. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk mengkaji kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar asing semasa proses pembelajaran. Pelajar asing didapati menghadapi halangan untuk menguasai kemahiran tatabahasa dengan sepenuhnya (Juriah, 2001).

2. Permasalahan kajian

Analisis Kesalahan Bahasa (AKB) merupakan sub-bidang linguistik gunaan yang dipelopori oleh Corder (1967) dan kekal relevan dalam pedagogi bahasa sehingga kini. Analisis ini bukanlah sekadar satu kaedah untuk menyenaraikan kesilapan, tetapi merupakan satu jendela untuk memahami proses kognitif pelajar dalam pemerolehan bahasa kedua. Corder (1967) menegaskan bahawa kesalahan adalah signifikan kerana ia memberikan bukti kepada guru tentang kemajuan pelajar dan prosedur yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari bahasa

tersebut. Walaupun Jeniri (2005) menyatakan bahawa bahasa Melayu mudah untuk dipelajari tetapi sukar untuk dikuasai, kajian mengenai cabaran tatabahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa masih terhad. Tinjauan literatur menunjukkan kebanyakan penyelidikan terdahulu, seperti oleh Nor Asmah (2009) dan Mohd Shahril (1996), lebih tertumpu kepada penutur jati pada peringkat sekolah menengah. Meskipun terdapat usaha mengkaji kelompok pelajar Cina (Nora Yusof, 2012) dan kajian tentang tahap penggunaan kata imbuhan dalam kalangan pelajar asing (Noriza et.al, 2013), serta ruang penyelidikan bagi pelajar bahasa kedua masih luas.

Dalam konteks pelajar asing di KIAS, peralihan daripada Analisis Kontrastif kepada Analisis Kesalahan membolehkan pengkaji melihat kesalahan bukan sekadar "tabiat buruk" yang dibawa dari bahasa ibunda, tetapi sebagai strategi pembelajaran yang aktif. Hal ini penting kerana kesalahan interlingual yang mana menunjukkan bagaimana struktur bahasa pertama (L1) seperti bahasa Thailand mengganggu struktur bahasa Melayu. Manakala kesalahan intralingual pula menunjukkan kekeliruan pelajar terhadap sistem bahasa Melayu itu sendiri, seperti generalisasi berlebihan penggunaan imbuhan atau kata tugas.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk kesalahan bahasa serta mengenal pasti faktor-faktor pencetus yang mendorong berlakunya kesilapan tatabahasa tersebut dalam kalangan pelajar asing.

2.1 Kekurangan Aspek Yang Dikaji

i) Kesalahan Bahasa

Menurut Corder (1973), kesalahan dalam pembelajaran bahasa kedua boleh dikelaskan kepada empat kategori utama: pengguguran unsur perlu, penambahan unsur yang tidak tepat, pemilihan unsur yang salah, serta susunan unsur yang tidak betul. Namun, bagi memperincikan fenomena ini, beliau turut memasukkan peringkat linguistik seperti morfologi, sintaksis, dan leksikon. Erdogan (2005) menambah bahawa skala kesalahan ini merangkumi pelbagai tahap, bermula daripada fonem dan morfem sehingga kepada peringkat perenggan.

Dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kajian Money (2004) terhadap murid Tamil mendedahkan kekerapan kesalahan pada tahap perkataan, frasa dan ayat. Sementara itu, penyelidikan Supian (1994) dalam kalangan pelajar Cina mendapati isu utama melibatkan pelbagai jenis frasa kerja, dengan kesalahan frasa kerja transitif dikenal pasti sebagai masalah yang paling dominan. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian lain yang menunjukkan variasi kesalahan pelajar bahasa kedua, termasuklah aspek morfologi (Ellis, 1997), penggunaan kata kerja (Hashim, 2009), kata sendi nama (Habash, 1982), serta aspek sintaksis yang lebih luas (Lee, 2007; Abisamra, 2003; Saw, 1997).

Morfologi merupakan komponen yang paling mencabar bagi pelajar asing kerana sistem imbuhan bahasa Melayu yang sangat rencam. Kekeliruan Kata Pemer 'ialah' dan 'adalah' sering berlaku dalam kalangan pelajar. Data menunjukkan pelajar sering menukargantikan penggunaan 'ialah' dan 'adalah'. Kebanyakan pelajar menggunakan 'adalah' di hadapan frasa nama (Contoh: "Manggis adalah buah manis"). Hal ini berlaku kerana dalam kebanyakan bahasa asing (seperti bahasa Inggeris), hanya terdapat satu kata pemer (*verb 'to be' seperti is/are*) yang merangkumi semua fungsi. Secara standard, 'ialah' hadir di hadapan frasa nama, manakala 'adalah' hadir di hadapan frasa adjektif atau frasa sendi nama.

Selain itu, isu Kata Sendi Nama dalam pemilihan Kata Sendi Nama seperti 'di', 'ke', 'dari', dan 'daripada' sering kali berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda (*interlinguistic*). Penggunaan 'di' dan 'ke' sering kali pelajar gagal membezakan antara tempat statik dan arah pergerakan. Contohnya, ayat "Saya datang di Kelantan" sepatutnya menggunakan "ke" kerana melibatkan destinasi. Manakala kekeliruan dari segi semantik pula, pelajar lebih cenderung

menggunakan satu kata sendi untuk pelbagai fungsi berdasarkan terjemahan langsung dari bahasa asal mereka.

2.2 Kaedah Kajian

Kajian ini berteraskan kesalahan tatabahasa. Untuk memperolehi data kajian, pengkaji memilih untuk mengagihkan borang soal selidik kepada responden di lapangan. Responden akan dipilih dalam kalangan pelajar antarabangsa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Pelajar tersebut dipilih sebagai responden kerana sesuai untuk mendapatkan data bagi mengesan kesalahan tatabahasa dalam proses pembelajaran bahasa Melayu kerana mereka akan dipengaruhi oleh bahasa ibunda semasa membina sesuatu ayat dalam bahasa Melayu.

Hasil daripada data yang diperolehi, pengkaji akan mencerakinkan data tersebut mengikut objektif kajian. Setiap kesalahan akan dikenal pasti dan ditentukan jenis kesalahan masing-masing. Kemudian pengkaji akan menganalisis jenis berasaskan objektif dilakukan dengan menggunakan teori analisis kesalahan bahasa. Selain itu, pengkaji juga membuat kajian kepustakaan dijalankan bagi mengumpul rujukan berkaitan kajian terdahulu yang memfokuskan isu kesalahan tatabahasa. Langkah ini bertujuan untuk meninjau sorotan literatur sedia ada serta meneliti bentuk instrumen atau soalan yang telah digunakan oleh para pengkaji sebelum ini sebagai panduan.

3. Faktor Kesalahan Tatabahasa Dalam Kalangan Pelajar Asing

3.1 Faktor Psikolinguistik dan Persekitaran

Selain faktor teknikal linguistik, terdapat faktor bukan linguistik yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu di KIAS iaitu gangguan Bahasa Ibunda. Pelajar cenderung berfikir dalam bahasa asal sebelum menterjemahkannya ke bahasa Melayu, menyebabkan struktur ayat menjadi "tempang". Didapati juga motivasi serta sikap juga menjadi faktor bukan linguistik kerana terdapat pelajar yang hanya mementingkan prinsip "asalkan faham" dalam komunikasi. Sikap pragmatik yang ekstrem ini menyebabkan peraturan tatabahasa diketepikan, seterusnya menjejaskan kualiti penulisan mereka. Seterusnya adalah faktor persekitaran disebabkan ketiadaan suasana atau penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh dalam aktiviti harian di luar bilik kuliah menyebabkan proses peneguhan bahasa menjadi lambat.

Secara keseluruhannya, pemerksaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) merupakan agenda penting bagi mengangkat martabatnya ke peringkat global. Sejajar dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan, malah merupakan wadah utama ilmu tinggi di negara ini. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing di KIAS masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Cabaran ini berpunca daripada beberapa kekangan utama seperti gangguan bahasa ibunda, tahap motivasi dan keprihatinan pelajar yang rendah, serta pengaruh faktor persekitaran kolej. Oleh itu, penelitian mendalam terhadap faktor-faktor tersebut amat diperlukan bagi memastikan keberkesanan pembelajaran bahasa mereka. Kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar asing di KIAS adalah fenomena yang kompleks namun boleh diatasi. Dengan memahami bahawa kesalahan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran, pihak institusi boleh mengambil langkah proaktif untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang berdaulat di peringkat global. Penyelidikan berterusan dalam bidang ini amat diperlukan bagi memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan kompetitif dalam arus pendidikan antarabangsa.

4. Kosa Ilmu

Secara umumnya, bab ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas berkenaan topik kajian yang dilakukan oleh pengkaji, iaitu kesalahan tatabahasa asing di KIAS. Lazimnya setiap kajian baru yang ingin dilakukan memerlukan kajian-kajian lepas untuk dijadikan panduan penulisan. Kajian-kajian lepas sangat penting, antaranya untuk memudahkan pengkaji baru mengenal pasti ruang baru yang ada dalam bidang kajian yang ingin dilakukan. Selain itu, bagi mengelakkan pengkaji membincang atau mengkaji topik yang sama dengan kajian lepas. Kajian lepas juga penting untuk mengetahui pengkaji lain yang turut membuat kajian dalam bidang dan topik yang sama serta bagi membuktikan tentang adanya kajian lepas yang berkaitan atau signifikan dengan bidang kajian pengkaji.

Kamarul Shukri (2009), dengan memetik pandangan Cohen (1999), membezakan antara pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing berdasarkan konteks persekitaran. Bahasa kedua merujuk kepada bahasa yang dipelajari di negara yang menggunakan bahasa tersebut dalam urusan harian, seperti mempelajari bahasa Inggeris di Amerika Utara. Sebaliknya, bahasa asing melibatkan pembelajaran bahasa yang tidak dituturkan oleh masyarakat setempat, contohnya mempelajari bahasa Arab di Perancis.

Dalam konteks aplikasi, Nora Yusof (2012) telah melaksanakan kajian terhadap penulisan karangan pelajar Cina Tingkatan Dua bagi mengenal pasti serta menganalisis aspek linguistik yang menjadi kekangan utama dalam penguasaan bahasa ibunda mereka. Selain itu, dalam kajian beliau hanya berfokuskan kepada mengenal pasti jenis-jenis kesalahan imbuan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina untuk tingkatan dua berdasarkan teori sistemik. Selain itu, beliau juga akan menganalisis kesalahan imbuan kata nama dan kata kerja bahasa Melayu pada peringkat kata (morfologi) dan beliau juga telah menjelaskan faktor-faktor kesalahan bahasa dalam aspek penggunaan imbuan bahasa Melayu.

Alhaadi Ismail et.al. (2024) juga telah menganalisis kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam karangan murid sekolah rendah. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti, mengelas, dan menganalisis jenis-jenis kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam karangan murid sekolah rendah (tahap dua). Fokus utama adalah untuk melihat sejauh mana penguasaan sistem bahasa murid dalam penulisan formal. Kesimpulannya, kesalahan bahasa bukan sahaja berlaku pada peringkat pembelajaran bahasa kedua (pelajar asing), tetapi juga dalam kalangan penutur jati (murid sekolah tempatan). Terdapat keperluan untuk intervensi pedagogi (cara guru mengajar) yang lebih inovatif bagi membetulkan kesalahan yang sudah "fosil" (tegar) dalam diri pelajar.

Seterusnya, Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly telah melaksanakan sebuah kajian yang memfokuskan kepada analisis kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sebuah institusi ditubuhkan pada 20 Mei 1983 dengan misi mengintegrasikan ilmu wahyu dan sains. Sebagai sebuah universiti di bawah Akta Syarikat. UIAM unik kerana meletakkan bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan utama, manakala bahasa Melayu diajarkan sebagai bahasa ketiga kepada semua pelajar. Fokus utama penyelidikan mereka merangkumi empat aspek kesalahan dalam karangan, iaitu penggunaan kata, frasa, ayat, dan ortografi. Selain itu, kajian tersebut turut merungkai faktor-faktor yang menjadi punca kepada berlakunya kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing tersebut.

5. Metodologi Penyelidikan

5.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan kerangka metodologi yang diterapkan oleh pengkaji dalam usaha mengumpul data-data yang berkaitan. Ketepatan pemilihan kaedah kajian adalah kritikal bagi menjamin kualiti serta kesahihan dapatan dalam penulisan ilmiah ini. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji telah mengintegrasikan kaedah perpustakaan dan kerja lapangan sebagai instrumen pengumpulan data utama.

Dalam pelaksanaan kerja lapangan, kaedah soal selidik telah dipilih sebagai medium pemerolehan data. Prosedur ini melibatkan beberapa fasa sistematik yang merangkumi penentuan domain kajian, pembangunan instrumen borang soal selidik, serta proses penganalisan data. Segala maklumat yang diperolehi akan diteliti secara mendalam untuk memastikan objektif kajian tercapai dan semua persoalan kajian terjawab sepenuhnya.

5.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan kaedah yang paling tepat untuk mendapatkan data daripada responden. Kajian lapangan merupakan sumber primer. Oleh itu data yang diperolehi lebih tepat dan betul. Kajian lapangan ini dibuat dengan penyediaan borang soal selidik di mana data diperolehi secara terus daripada responden. Selepas semua data diperolehi dan dikumpul, data-data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 31.0.

5.2.1 Kajian Rintis

Kajian awal atau rintis telah dilaksanakan terhadap sepuluh buah karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh sepuluh orang pelajar antarabangsa di KIAS. Pelajar-pelajar ini mengikuti pengajian ijazah pertama dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Melalui tinjauan rintis ini, pengkaji dapat mengenal pasti pola kesalahan bahasa yang dilakukan, namun fokus utama kajian ini diperincikan khusus kepada aspek penggunaan kata tugas dalam penulisan mereka.

5.2.2 Sampel Kajian

Bagi memenuhi keperluan kaedah kualitatif, seramai 15 orang peserta telah dipilih secara rawak daripada jumlah keseluruhan 20. Kajian ini melibatkan sekumpulan pelajar antarabangsa yang mendaftar dalam kursus Bahasa Melayu untuk pelajar asing, di mana latar belakang asal mereka terdiri daripada pelbagai negara. Dari rantau Asia Tenggara, merangkumi negara Myanmar, Kemboja, Filipina, dan Thailand di bawah seliaan seorang pensyarah pembimbing.

5.2.3 Instrumen Kajian

a) Penulisan Karangan

Instrumen utama bagi pengumpulan data bertulis adalah melalui aktiviti penulisan karangan. Pendekatan ini bertujuan untuk mengesan kesalahan tatabahasa, khususnya dalam penggunaan kata pemerian dan kata sendi nama. Prosedur pelaksanaan adalah seperti berikut:

Jadual 5.1 Proses Mendapatkan Data

Arahan	Pelajar diberikan taklimat yang jelas sebelum ujian bermula.
Tempoh	Masa yang ditetapkan adalah selama 40 minit.
Format	Karangan jenis tidak berformat dengan had panjang antara 100 hingga 200 patah perkataan.

b) Borang Soal Selidik

Sebagai langkah pengukuhan data, kaedah soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian utama:

Bahagian A: Mengukur faktor pendorong kesalahan tatabahasa berdasarkan perspektif pensyarah menggunakan Skala Likert empat mata (Sangat Setuju, Setuju, Tidak Setuju, dan Sangat Tidak Setuju).

Bahagian B: Mengenal pasti faktor-faktor tambahan melalui soalan separa struktur.

Analisis Data: Data daripada soal selidik diproses menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan. Manakala, maklum balas daripada soalan separa struktur dianalisis melalui proses pengekodan mengikut tema yang relevan sebelum dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif.

5.4 Analisis Kesalahan Kata Pemerl

5.4.1 Kesalahan penggunaan kata pemerl 'ialah' dan 'adalah'.

i.

Kesalahan	Saya suka <i>ialah</i> rambutan.
Pembetulan	Saya suka akan rambutan' atau 'Saya menyukai rambutan'.
Penjelasan	Penggunaan kata pemerl "ialah" dalam ayat ini tidak tepat kerana kata adjektif (suka) tidak boleh diikuti oleh kata pemerl. Kata pemerl tersebut perlu digugurkan.
Aspek Tatabahasa	Kata adjektif perasaan seperti "suka" memerlukan kata sendi nama "akan" sebagai pelengkap sebelum diikuti kata nama.
Alternatif	"suka" boleh ditukarkan menjadi kata kerja transitif dengan imbuhan apitan "me-...-i" (menyukai) yang diikuti terus oleh objek (rambutan).

ii.

Kesalahan	Manggis <i>adalah</i> buah yang manis.
Pembetulan	Manggis ialah buah yang rasanya manis.
Penjelasan	Pelajar tersilap menggunakan "adalah" di hadapan kata nama (buah). Mengikut hukum tatabahasa, kata pemerl "ialah" mesti digunakan di hadapan frasa nama, manakala "adalah" hanya digunakan di hadapan frasa adjektif atau frasa sendi nama.

iii.

Kesalahan	Hobi saya <i>adalah</i> membaca buku.
Pembetulan	Hobi saya ialah membaca buku.
Penjelasan	Kata pemerl "ialah" mesti hadir di hadapan frasa nama (membaca buku berfungsi sebagai frasa nama dalam konteks ini). "Adalah" hanya boleh diikuti oleh kata adjektif atau kata sendi nama.

5.4.2 Kesalahan penggunaan frasa sendi nama

Frasa sendi nama merupakan binaan yang terdiri daripada kata sendi nama (seperti di, ke, dari, daripada, pada, kepada, untuk) diikuti oleh frasa nama sebagai pelengkap.

i.

Kesalahan	Banyak buah-buahan <i>ke</i> pasar malam.
Pembetulan	Banyak buah-buahan di pasar malam.
Penjelasan	Pelajar keliru antara fungsi "ke" dan "di". Kata sendi nama "di" seharusnya digunakan kerana ayat tersebut merujuk kepada lokasi atau tempat keberadaan buah-buahan tersebut (pasar raya).

ii.

Kesalahan	Saya datang <i>di</i> Kelantan.
Pembetulan	Saya datang ke Kelantan, Saya pergi ke Kelantan, atau Saya ke Kelantan.

Penjelasan	Kata sendi nama "ke" wajib digunakan untuk menunjukkan arah atau destinasi yang dituju. Dalam konteks ini, "di" tidak tepat kerana ia hanya berfungsi untuk menyatakan tempat yang statik, bukan pergerakan ke sesuatu arah.
------------	--

iii.

Kesalahan	Meja ini dibuat dari kayu jati.
Pembetulan	Meja ini dibuat daripada kayu jati.
Penjelasan	Kata sendi "daripada" digunakan untuk menyatakan sumber, asal kejadian sesuatu benda, atau perbandingan. Manakala "dari" khusus untuk ATM (Arah, Tempat, dan Masa).

5.4.2 Kesalahan Kata Sendi Nama (Pada vs Kepada)

Kesalahan	Saya memberikan buku itu pada guru.
Pembetulan	Saya memberikan buku itu kepada guru.
Penjelasan	Kata sendi "kepada" digunakan untuk merujuk kepada manusia (sasaran), manakala "pada" digunakan untuk masa, haiwan, benda abstrak, atau benda pegun (seperti "pada pukul 2" atau "pada dinding").

5.4.4 Kesalahan Pengguguran Kata Sendi Sebelum Frasa Nama Arah

Pelajar asing sering terlupa meletakkan kata sendi "di" atau "ke" sebelum kata arah (atas, bawah, dalam).

Kesalahan	Buku itu ada atas meja.
Pembetulan	Buku itu ada di atas meja.
Penjelasan	Dalam tatabahasa Melayu, kata arah (atas) mesti didahului oleh kata sendi nama (di) untuk menunjukkan kedudukan tempat yang lengkap.

6. Skop Kajian

Penyelidikan ini memberi fokus kepada penulisan karangan pelajar-pelajar Asing di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Hal ini kerana, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu adalah sangat penting khususnya dalam aspek penulisan karangan. Subjek kajian ini dipilih kerana mereka merupakan pelajar bukan Melayu yang mengalami proses pemerolehan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan jati yang menjadikannya sebagai bahasa kedua. Hal ini kerana, pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran selepas penguasaan bahasa pertama. Selain itu, pemilihan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ini dilakukan adalah bertujuan untuk meninjau sejauh mana kebolehan mereka terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam pembelajaran mereka. Pengkaji hanya melihat aspek morfologi sahaja, iaitu kajian terhadap penggunaan kata tugas bahasa Melayu dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Kajian ini berdasarkan sejumlah 15 orang pelajar Ijazah Sarjana muda di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan kata tugas bahasa Melayu dan analisis kesalahan tersebut berdasarkan teori analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa.

7. Kerangka Teori

7.1 Teori Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa

Sebelum munculnya teori Analisis Kesalahan Bahasa, bidang pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing dari pasca-Perang Dunia Kedua hingga pertengahan 1960-an didominasi oleh

Analisis Kontrastif (Aini, 2007). Gangguan daripada bahasa ibunda adalah punca utama kesilapan dalam pembelajaran bahasa asing (Aini, 2007). Kesalahan bahasa dilihat sebagai kesan daripada pengaruh atau "tabiat lama" bahasa asal yang terbawa-bawa ke dalam bahasa baharu yang dipelajari (Erdogan, 2005). Peralihan ke analisis kesalahan bahasa berbeza dengan teori sebelumnya, analisis kesalahan bahasa melihat isu ini dari sudut yang lebih luas. Kajian ini mengkaji dua jenis kesalahan utama (Richards, 1992). Dua kesalahan tersebut ialah Kesalahan Interlingual iaitu kesalahan akibat pemindahan unsur bahasa pertama (L1) ke bahasa sasaran dan Kesalahan Intralingual: Kesalahan yang berpunca daripada strategi pengajaran atau proses pembelajaran itu sendiri.

7.2 Perspektif Pemerolehan Bahasa

Menurut Lado (1964) berpendapat bahawa pengaruh negatif bahasa ibunda boleh menghalang perkembangan pemerolehan bahasa kedua. Walau bagaimanapun, Richards (1992) melihat kesalahan interlingual ini sebagai sesuatu yang positif; ia merupakan bukti bahawa pelajar sedang aktif menerokai dan cuba memahami sistem bahasa baharu tersebut.

7.3 Menilai Keberkesanan

Penilaian terhadap keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing merupakan aspek kritikal yang perlu diberi perhatian serius, bermula daripada peringkat pendidikan asas sehinggalah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Tahap keberkesanan ini bukan sahaja diukur melalui gred akademik, malahan melalui kemampuan pelajar untuk mengaplikasikan hukum tatabahasa yang betul dalam penulisan dan komunikasi lisan mereka. Kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing semasa proses pembelajaran pada masa sekarang perlu diberi penekanan dan perhatian yang saksama daripada peringkat rendah sehinggalah peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seharusnya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ini perlu bersesuaian dengan taraf dan kemampuan pelajarnya. Hal ini adalah kerana, ramai pelajar yang merasakan kesulitan dalam memahami apatah lagi untuk menguasai bahasa tersebut. Begitu juga bahasa Melayu dilihat sesuatu yang menakutkan kerana ia terbeban dengan hafalan-hafalan teks berbahasa Melayu. Secara hakikatnya, penguasaan tatabahasa Melayu yang lemah dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Dari aspek dalaman, hal ini berkait rapat dengan kekangan psikologi dalam diri pelajar asing seperti perasaan malu, kebimbangan, kurang keyakinan diri, serta ketiadaan motivasi terhadap bahasa yang dipelajari.

7.4 Kesesuaian Pedagogi dan Tahap Kemampuan Pelajar

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu seharusnya direka bentuk agar bersesuaian dengan taraf serta kemampuan sebenar pelajar asing. Hal ini penting kerana ramai pelajar antarabangsa menyuarakan rasa sulit dalam memahami dan menguasai sistem bahasa Melayu yang dianggap kompleks. Malah, wujud persepsi dalam kalangan pelajar bahawa bahasa Melayu adalah subjek yang "menakutkan" disebabkan bebanan hafalan teks yang keterlaluan tanpa pemahaman struktur yang mendalam.

7.5 Faktor Dalaman dan Luaran terhadap Keberkesanan

Keberkesanan penguasaan tatabahasa pelajar asing dipengaruhi oleh dua faktor utama yang saling berkait rapat dengan aspek dalaman iaitu psikolinguistik. Faktor ini melibatkan kekangan psikologi seperti perasaan malu untuk berkomunikasi, kebimbangan terhadap kesilapan, kurang keyakinan diri, serta ketiadaan motivasi yang kuat terhadap bahasa yang dipelajari. Manakala

aspek luaran iaitu faktor persekitaran kolej dan pengaruh bahasa ibunda iaitu gangguan interlingual yang sering kali menjadi penghalang kepada keberkesanan pembelajaran yang tuntas. Dalam memahami peranan strategi pembelajaran, terutamanya daripada perspektif pelajar yang cemerlang, adalah sangat penting bagi mengenal pasti punca kejayaan atau kegagalan sesuatu proses pembelajaran bahasa.

7.6 Peranan Analisis Kesalahan dalam Meningkatkan Keberkesanan

Kajian yang dijalankan terhadap kesalahan penggunaan kata pemerian dan kata sendi nama berfungsi sebagai alat diagnostik yang sangat berkesan bagi pelajar. Melalui analisis yang terperinci ini, keberkesanan pembelajaran dapat ditingkatkan melalui pengenalanpastian secara sendiri iaitu pelajar berupaya mengenal pasti dan menyedari jenis kesalahan spesifik yang sering mereka lakukan dalam penulisan karangan. Keberkesanan juga boleh dikenal pasti melalui aspek pemahaman secara mendalam. Pelajar juga berupaya memahami secara terperinci mengapa sesuatu binaan ayat itu dianggap salah daripada sudut morfologi dan sintaksis. Oleh itu melalui data yang diperolehi, tenaga pengajar di KIAS dapat merangka modul Bahasa Melayu Komunikasi yang lebih efektif dan bersasar untuk memperbaiki kelemahan pelajar secara terus melalui aspek intervensi secara berfokus.

Secara tuntasnya, menilai keberkesanan bukan sekadar melihat kepada kesalahan semata-mata, tetapi melihat kepada bagaimana kesalahan tersebut (interlingual dan intralingual) dijadikan batu lonjakan bagi meningkatkan kompetensi komunikasi dan kewibawaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kamarul Shukri et al. (2009) menukulkan pandangan Oxford et al. (1989) yang menyatakan bahawa memahami peranan strategi khususnya daripada pelajar cemerlang bahasa adalah tersangat penting bagi mengenal pasti punca kejayaan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap kesalahan tatabahasa iaitu kata pemerian dan kata sendi nama terhadap pelajar asing dapat membantu pelajar mengenal pasti kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh mereka. Melalui analisis yang dilakukan oleh pengkaji, sekaligus pelajar dapat mengetahui dengan lebih terperinci kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

8. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah memperincikan reka bentuk dan prosedur kajian yang sistematik bagi memastikan objektif analisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing di KIAS tercapai. Pemilihan metodologi kualitatif yang menggabungkan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan dilihat sebagai instrumen yang paling berkesan untuk memperoleh data primer yang sahih dan mendalam. Penggunaan instrumen penulisan karangan membolehkan pengkaji mengesan pola kesalahan linguistik secara natural, manakala borang soal selidik memberikan dimensi tambahan dalam memahami faktor-faktor psikologi dan persekitaran yang mempengaruhi penguasaan bahasa responden.

Kesimpulannya, kerangka metodologi yang kukuh ini menjadi jambatan utama bagi pengkaji untuk mencerakinkan dapatan kajian dengan tepat. Segala prosedur yang telah dirangka, bermula daripada pemilihan sampel seramai 15 orang pelajar antarabangsa sehingga kepada proses penganalisan data menggunakan perisian SPSS, memastikan hasil kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatan daripada metodologi ini seterusnya akan menjadi asas kepada perbincangan dalam bab analisis untuk merangka modul pengajaran Bahasa Melayu yang lebih efektif bagi pelajar antarabangsa.

Rujukan

- Abisamra, N. (2003). An analysis of errors in arabic speakers' english writings. Diperoleh pada 20 Mac 2011 daripada [http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error analysis.html](http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error%20analysis.html).
- Aini Haji Karim. (2007). Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING), 2, 212-225.
- Bari, A. A. (2008). Perlembagaan Malaysia: teori & praktis. Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learners' errors. Dlm. J. C. Richards (Ed.), *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition* (hlm. 19-27). London: Longman. (Karya asal diterbitkan dalam *International Review of Applied Linguistics*, 5(4)).
- Erdogan, V. (2005). Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of The Faculty of Education*, 1(2), 261-270.
- Habash, Z. A. S. (1982). Common errors in the use of English prepositions in the written work of UNRWA students at the end of the preparatory cycle in the Jerusalem area. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Palestin: Universiti Birzeit.
- Hamid, Z. (2006). Aplikasi psikolinguistik: dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Akademia.
- Hashim Mat Zain. (2009). Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail, A., Rodi, R. C., Subramaniam, V., & Jusoh, Z. (2024). Interpretasi Falsafah dan Hati Budi Melayu dalam Peribahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 49(2)
- Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5(4).
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat@Ahmad. (2001). Keperluan pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta. *Jurnal Pendidikan* 26, 21-36.
- Lado, R. (1964). *Language Teaching: A Scientific Approach*. MacGraw Hill.
- Lee, Chai Chuen. (2007). Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Shahril Rajain. (1996). Analisis kesalahan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Enam di sekolah menengah: satu kajian kes (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Money, J. N. J. S. (2004). Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Asmah Abd. Aziz. (2009). Penggunaan kata hubung bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah menengah: satu analisis kesilapan (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurul Jamilah Rosly. (2022). Analisis Kesalahan Bahasa: Teori dan Aplikasi dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nora Yusof. (2012). Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Cina Tingkatan 2: Satu analisis sistematik (Tesis/Laporan penyelidikan tidak diterbitkan).
- Noriza Daud, Umaimah Kamarulzaman, & Noor Hidayu Parlan. (2013). *Symbolisme haiwan dalam peribahasa Melayu*. Universiti Malaysia Sabah.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Essex: Longman.
- Sabran, R.H., & Syam, R. (1985). *Kaedah pengajaran Bahasa Malaysia*.
- Saw, K. L. (1997). Kesilapan sintaksis dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan dewasa Melayu. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Supian Mohamad Noor. (1994). Analisis kesalahan penggunaan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat KBSM: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Baidura Kasiran, & Nurul Jamilah Rosly. (2011). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam. *Jurnal Bahasa*, 11(1).
- Teh, K. S. M., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Mahamod, Z. (2009). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.